

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8286

SOALAN:

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sekiranya pihak Kementerian ada cadangan untuk membina sebuah balai polis di BRS Sungai Asap, Belaga.

97

98

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Pondok Polis Sungai Asap sedang beroperasi secara sewaan di bangunan rumah kedai dua tingkat dengan kadar sewaan RM3000 sebulan. Projek Balai Sg. Asap ini telah dicadangkan dalam RMKe10 namun digugurkan atas kekangan peruntukan dan isu tapak tanah yang berkeluasan 7.5 ekar yang masih dalam proses pengambilan. Kementerian akan menyenaraikannya semula dalam perancangan projek Rancangan Malaysia Ke 11 setelah isu tanah diselesaikan.